



## "MENGHAYATI PERISTIWA ISRAK DAN MIKRAJ"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ  
الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ  
إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فِيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْ صِيَكُمْ  
وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ  
تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُم مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-



Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dalam golongan hamba-hamba-Nya yang mendapat rahmat dan kasih sayang serta perlindungan Allah S.W.T.

Sempena dengan kehadiran bulan Rajab yang istimewa ini, marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang bertajuk: "**MENGHAYATI PERISTIWA ISRAK DAN MIKRAJ**"

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Sekalian,**

Syukur alhamdulillah, kerana atas nikmat-Nya jugalah kita dapat dipertemukan kembali dengan bulan yang berkat dan istimewa ini iaitu bulan Rejab. Bulan Rejab merupakan salah satu daripada 'al-Ashur al-Hurum' (bulan-bulan haram) selain bulan Muharram, Zulqa'dah dan Zulhijjah. Bulan-bulan haram merupakan bulan mulia sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadis daripada Abu Bakrah RA. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"إِنَّ الزَّمَانَ قَدِ اسْتَدَارَ كَهِيْتِهِ يَوْمَ خَلَقَ اللَّهُ  
السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ، السَّنَةَ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا،  
مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرُمٌ، ثَلَاثٌ مُتَوَالِيَاتٌ؛ ذُو الْقَعْدَةِ  
وَذُو الْحِجَّةِ وَالْمُحْرَمُ، وَرَجَبٌ شَهْرٌ مُضَرِّ  
الَّذِي بَيْنَ جُمَادَى وَشَعْبَانَ".

"Sesungguhnya masa itu beredar sebagaimana hari Allah mencipta langit dan bumi iaitu setahun itu ada dua belas bulan. Antaranya ada empat bulan haram (yang dihormati) iaitu tiga bulan berturut-turut: Zulkaedah,



*Zulhijjah, dan Muharram. Seterusnya Rajab iaitu antara bulan Jumada dan Sya'ban".*

*(Hadis Bukhari dan Muslim).*

Israk dan Mikraj seperti yang kita ketahui berlaku dalam bulan Rajab adalah merupakan perjalanan Nabi Muhammad SAW dari Masjidil Haram ke Masjidil 'Aqsa seterusnya diangkat pula ke Sidratul Muntaha. Peristiwa Isra' dan Mikraj ini merupakan penghibur hati kepada baginda Rasulullah SAW setelah kehilangan tunjang belakang dan kekuatan baginda dalam menyebarkan dakwah Islamiyyah iaitu bapa saudaranya Abu Talib dan isteri baginda yang tercinta iaitu Saidatina Khadijah Binti Khuwailid. Peristiwa Isra' Mikraj juga merupakan salah satu mukjizat Nabi Muhammad SAW dan bukti kesetiaan para sahabat yang mampu berdiri teguh dibelakang nabi dan menguatkan keimanan dalam diri mereka.

Apabila peristiwa perjalanan Isra' dan Mikraj tersebut dikhabarkan oleh Baginda Rasulullah kepada penduduk Kota Makkah, ramai yang menolaknya. Namun saidina Abu Bakar RA. menerima perkhabaran tersebut dan dengan tegas menyatakan :

*"Aku percaya bahawa apa yang Muhammad ceritakan itu adalah benar dan bahawa dia adalah pesuruh Allah, aku percaya kepadanya tentang hal-hal yang lebih pelik dari itu. Aku percaya kepadanya tentang berita-berita dari langit yang dibawanya siang mahupun malam; maka bagaimana aku tidak mempercayainya tentang israknya ke Baitulmaqdis yang merupakan suatu kemuliaan yang dianugerahkan Allah kepadanya?"*

Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 1:



سُبْحَنَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ  
الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكَنَا حَوْلَهُ  
لِنُرِيهُ مِنْ ءَايَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

"Maha suci Allah yang telah memperjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haraam (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui".

### Sidang Jumaat sekalian,

Antara peristiwa-peristiwa yang baginda saksikan sepanjang perjalanan Israk yang merupakan tanda-tanda kebesaran Allah SWT ialah:

- i. Kaum yang sedang bercucuk tanam dan terus menuai hasil tanaman mereka.

Apabila dituai, hasil (buah) yang baru keluar semula seolah-olah belum lagi dituai. Hal ini berlaku berulang-ulang. Rasulullah SAW diberitahu oleh Jibrail: Itulah kaum yang menginfakkan hartanya pada jalan Allah yang digandakan pahala kebajikan sebanyak 700 kali ganda bahkan sehingga gandaan yang lebih banyak.

- ii. Sekumpulan orang-orang yang sedang memecahkan kepala mereka. Setiap kali dipecahkan, kepala mereka sembah kembali, lalu dipecahkan pula. Demikian dilakukan berkali-kali, Jibrail memberitahu: Itulah orang-orang yang berat kepala mereka untuk mendirikan solat.



- iii. Sekumpulan orang yang menutup kemaluan mereka dengan secebis kain. Mereka dihalau seperti binatang ternakan. Mereka makan bara api dan batu dari neraka Jahannam. Kata Jibrail: Itulah orang-orang yang tidak mengeluarkan zakat harta mereka.
- iv. Satu kaum, lelaki dan perempuan, yang memakan daging yang busuk sedangkan daging yang dimasak ada di sisi mereka. Kata Jibrail: Itulah lelaki dan perempuan yang melakukan zina sedangkan lelaki dan perempuan itu masing-masing mempunyai isteri dan suami.
- v. Lelaki yang lemas dalam sungai darah dan apabila meminta tolong dia dilontarkan batu. Kata Jibrail: Itulah orang yang makan riba.
- vi. Lelaki yang memikul seberkas kayu sedang dia tak terdaya memikulnya, tapi masih menambah lagi kayu yang lain. Kata Jibrail: Itulah orang yang tidak dapat menunaikan amanah tetapi masih menerima amanah yang lain.
- vii. Seorang perempuan yang terlalu tua memanggil Rasulullah untuk bertanyakan sesuatu. Kata Jibrail: Itulah gambaran umur dunia yang sangat tua dan menanti saat hari kiamat.

Kisah berhubung peristiwa tersebut dinaqal dari kitab Fathul Bari karangan Ibn Hajar al-Asqalani di Juzuk 11 halaman 214.

Peristiwa Mikraj pula menyaksikan nabi Muhammad SAW berjumpa dengan nabi-nabi yang terdahulu di setiap lapisan langit sebagai mana disebutkan dalam hadis sahih Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

**Sidang Jumaat sekalian,**



Kemuncak kepada peristiwa isra' dan mikraj ialah apabila Allah memfardhukan solat fardu sebanyak 50 waktu sehari semalam dan akhirnya dikurangkan menjadi 5 waktu seperti yang kita laksanakan sekarang tanpa mengurangkan pahala 50 waktu tersebut.

Maka adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai seorang Muslim untuk menuruti segala perintah-Nya sepetimana perintah menunaikan solat 5 waktu sehari semalam walaupun kita merasakan ianya juga berat, maka Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 45:

وَأَسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَىٰ

الْخَشِينَ

*"Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan sembahyang; dan sesungguhnya sembahyang itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang yang khusyuk".*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Sesungguhnya peristiwa israk dan Mikraj memberitahu kita tentang pelbagai bentuk pendidikan dan pengajaran yang berharga, antaranya adalah;

1. Sebagai Muslim kita wajib meyakini dan mempercayai peristiwa Israk dan Mikraj benar-benar berlaku dan wajib beriman dengannya kerana ia telah disebut dalam al-Quran dan hadis-hadis yang sahih.



2. Peristiwa Israk dan Mikraj menggambarkan perjalanan seorang hamba menuju kepada Allah SWT yang akan menghadapi berbagai cabaran dan ujian yang memerlukan kekuatan iman dalam diri kita.
3. Permulaan perjalanan seorang muslim menuju keredaan Allah SWT bermula dengan membersihkan hatinya dan membetulkan niatnya.
4. Solat 5 waktu hendaklah dilakukan walau dalam keadaan apa sekalipun selagi manusia mempunyai akal yang sihat.
5. Umat Islam hendaklah memberi sokongan penuh kepada perjuangan mempertahankan Baitul Maqdis daripada serangan dan pencerobohan Yahudi Laknatullah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
مَا كَذَبَ الْفُؤَادُ مَا رَأَىٰ ۝ أَفَتُمَرُونَهُ عَلَىٰ مَا يَرَىٰ  
وَلَقَدْ رَأَاهُ نَزْلَةً أُخْرَىٰ ۝ عِنْدَ سِدْرَةِ الْمُنْتَهَىٰ ۝

"Hati (Nabi Muhammad) tidak mendustakan apa yang dilihatnya. Jika demikian, patutkah kamu hendak membantahnya mengenai apa yang telah dilihatnya itu? Dan demi sesungguhnya! (Nabi Muhammad) telah melihat (Malaikat Jibril, dalam bentuk rupanya yang asal) sekali lagi, di sisi "Sidratul-Muntaha".

(Surah an-Najm : 11-14).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَكُمْ بِأُقْرَآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.  
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjadikan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama islam. Sebaliknya seluruh umat islam amatlah dituntut agar menampilkkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا  
الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوَةً عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءَ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ  
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدُّعَواتِ وَيَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ  
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ  
الْعَظِيمَى آنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَّا يَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ  
وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، حَلَّةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ



سَلَّٰعُورُ، سُلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادْرِيسُ شَاهُ  
الْحَاجُ ابْنُ الْمَرْحُومِ سُلْطَانُ صَلَّٰحُ الدِّينِ عَبْدُ  
الْعَزِيزُ شَاهُ الْحَاجُ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيٍّ عَهْدِ  
سَلَّٰعُورُ، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ  
الْدِينِ ادْرِيسُ شَاهُ الْحَاجُ فِي أَمْنٍ وَصَلَّاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلِ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَةَ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبُّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرْةً أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبُّنَا عَاتَنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَّا حُسْنٌ وَإِيتَاءٌ ذِي



الْقُرَبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نَعْمَهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

JAIS/Nurul \*\*  
05.05.2015